


**BAHAGIAN A**  
[ 50 markah ]  
*Jawab mana-mana lima soalan sahaja.*

1. (a) Gambar berikut menunjukkan sebuah organisasi.



- (i) Nyatakan jenis organisasi tersebut. (1 markah)
- (ii) Jelaskan tujuan organisasi tersebut ditubuhkan. (4 markah)
- (iii) Apakah kaedah perniagaan yang sesuai bagi organisasi di 1 (a) (i)? (1 markah)
- (b) Gambar di bawah menunjukkan dua jenis organisasi.



Organisasi A



Organisasi B

Apakah perbezaan bagi kedua-dua jenis organisasi di atas. (4 markah)

2. (a) Nyatakan **tiga** jenis trend perniagaan yang wujud dalam sesebuah organisasi. (3 markah)
- (b) Terangkan **satu** jenis trend perniagaan yang wujud dalam sesebuah organisasi. (3 markah)
- (c) Jelaskan kesan perubahan yang berlaku dalam persekitaran perniagaan jika pendapatan isi rumah meningkat. (4 markah)
3. (a) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Encik Yahya, pengusaha kilang keropok.
- Encik Yahya adalah seorang pengusaha kilang keropok di Pasir Putih, Kelantan. Beliau menghasilkan pelbagai jenis keropok yang diedarkan melalui para pemborong. Beliau menggaji seramai 15 orang pekerja tetap di kilangnya. Pada mulanya, hasil jualan tahunan adalah sebanyak RM 750 000.
- (i) Nyatakan klasifikasi perniagaan Encik Yahya mengikut saiz dan sektor. (2 markah)
- (ii) Nyatakan **empat** kelebihan perniagaan saiz ini. (4 markah)
- (b) Terangkan peranan pengurus sumber manusia dalam aspek latihan dan pembangunan. (4 markah)
4. (a) Nyatakan **dua** peringkat tahap pengurusan dalam perniagaan. (2 markah)
- (b) Jelaskan **dua** peringkat tahap pengurusan dalam perniagaan. (4 markah)
- (c) Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan? (4 markah)

5. (a) Jelaskan tujuan mengurus sumber teknologi dalam sesebuah organisasi perniagaan. (4 markah)
- (b) Terangkan sumber pembiayaan luaran berikut :  
(i) Overdraf (2 markah)  
(ii) Sewa beli (2 markah)  
(iii) Pajakan (2 markah)

- 6 (a) Maklumat berikut adalah berkenaan Encik Zamani

Tahun	Penerangan
2014	Memulakan perniagaan menjual kain batik dengan modal RM30 000 setelah berhenti kerja sebagai Eksekutif di sebuah syarikat.
2016	Mendirikan kilang batik di sebelah rumahnya bagi mengeluarkan kain batik jenamanya sendiri.
2018	Menderma pakaian dan peralatan sekolah kepada anak yatim dan golongan miskin di daerahnya.

Huraikan dua kelebihan En Zamani memilih untuk berhenti kerja dan menubuhkan perniagaannya sendiri. (4 markah)

(b) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Penyata Pendapatan.

**Penyata Pendapatan (Akaun Perdagangan dan Untung Rugi)**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM	RM
<b>P</b> <i>Tolak:</i> Pulangan Jualan Jualan Bersih			300 500 (1 500) 299 000
Tolak: Inventori awal		50 000	
Belian	230 000		
<i>Tolak:</i> Pulangan Belian	<u>(2 000)</u>		
<b>Q</b> <i>Tambah:</i> Angkutan masuk	228 000 1 500		
Upah atas belian	1 000		
Insurans atas belian	2 000		
Duti import	<u>500</u>		
Kos Belian		232 000	
Kos barang untuk dijual		282 000	
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir		<u>(45 000)</u>	
<b>R</b> Untung Kasar			<u>(237 000)</u>
<i>Tambah:</i> Hasil			62 000
Komisen diterima			
Faedah atas simpanan	3 500 <u>2 500</u>		6 000
<i>Tolak:</i> Belanja		24 000	
Sewa		2 400	
Insurans		<u>12 000</u>	
Gaji			<u>(38 400)</u>
<b>S</b>			29 600

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan penyata pendapatan? (2 markah)
- (ii) Berdasarkan penyata pendapatan di atas, kenal pasti butiran bertanda P, Q, R dan S. (4 markah)

**BAHAGIAN B**  
[ 30 markah ]  
*Jawab mana-mana dua soalan sahaja.*

7. (a) Gambar di bawah berkaitan dengan satu bentuk perniagaan



- (i) Apakah bentuk pemilikan perniagaan berkenaan? (1 markah)
- (ii) Terangkan bentuk perniagaan yang dinyatakan di 7(a)(i). (5 markah)
- (iii) Nyatakan proses pendaftaran pemilikan perniagaan yang anda nyatakan di 7 (a) (i). (5 markah)
- (b) Maklumat di bawah berkaitan dengan sesebuah syarikat

Objektif syarikat BMW Motor Sendirian Berhad ialah

“Mengaspirasi untuk menjadi pengeluar kereta motor dan motorsikal berkuasa tinggi nombor satu di Asia dalam tempoh 3 tahun. Kita akan mengeluarkan sebanyak 100 000 unit kereta penumpang dan sebanyak 50 000 unit motorsikal berkuasa tinggi pada tahun 2018”

Pada pendapat anda, apakah satu ciri objektif yang baik yang gagal dipenuhi oleh Syarikat BMW Motor Sendirian Berhad. (4 markah)

8. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Bakeri Nora.

Puan Nora baru memperkenalkan 15 jenis kek dan roti yang telah mendapat sambutan yang hangat di pasaran. Hal ini menyebabkan berlaku peningkatan permintaan kek dan roti secara mendadak. Oleh yang demikian, Puan Nora telah membuat keputusan untuk menambah bilangan pekerja bahagian kek dan roti.

- (i) Jelaskan faktor dalaman yang akan membawa kepada perubahan dalam pasaran kek dan roti Puan Nora. (5 markah)

- (ii) Sekiranya anda akan membantu Puan Nora untuk memilih pekerja. Jelaskan kemahiran kebolehkerjaan yang anda perlukan? (4 markah)

- (b) Terangkan langkah-langkah yang perlu dipatuhi oleh usahawan setelah mendaftarkan perniagaan. (6 markah)

9. (a) Pekerja yang bermasalah memberi kesan kepada organisasi perniagaan. Terangkan tentang pemberhentian pekerja dalam sesebuah organisasi. (5 markah)

- (b) Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Hartanah Tekun Jaya.

Syarikat mempunyai sumber fizikal seperti mesin dan jentera, bangunan dan bahan mentah seperti batu bata dan simen.

- Jelaskan prosedur untuk menguruskan sumber fizikal supaya perniagaan berjalan dengan lancar. (5 markah)

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis perniagaan.

Syarikat Logistik Nava telah merancang membeli beberapa lori tambahan bernilai RM800 000 setelah mendapat kontrak daripada satu rangkaian pasar raya untuk menghantar barang kepada cawangannya

- Nyatakan jenis sumber pembiayaan yang sesuai untuk membeli lori tambahan berkenaan. Berikan alasan anda. (5 markah)

**BAHAGIAN C**  
[20 markah]  
Soalan ini *wajib* dijawab.

10. En Norabidin Sapuan, 39 tahun merupakan pemilik kilang roti Radenia di Simpang Renggam. En Norabidin merupakan seorang pemuda yang berkeyakinan tinggi dan tidak gentar dengan cabaran. Semasa kecil beliau pernah menjual ais krim untuk mencari duit sendiri. Hal ini telah membentuk En Norabidin untuk mengusahakan sesuatu dengan bersungguh-sungguh.

En Norabidin memulakan perniagaan dengan mendapatkan modal daripada isterinya dan memohon pinjaman daripada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). Beliau memilih untuk mendapatkan pinjaman daripada PUNB kerana tidak mahu terikat dengan perjanjian bank. Lagipun pinjaman menerusi bank memerlukan pembayaran feadah yang tinggi. Untuk memastikan beliau terus berjaya, beliau juga telah mengikuti pelbagai latihan dan kursus antaranya ialah kursus asas usahawan, perakaunan, pengurusan stok, prosedur bahan dan sistem automasi kilang yang dianjurkan oleh Utama Business Sales & Investment Sdn Berhad dan Program Latihan Keusahawanan oleh MARA.

Kini kilang roti Radenia En Norabidin memasuki tahun kelima operasi di bawah kendalian beliau mempunyai reputasi tersendiri. Selain daripada mendapat anugerah Most Improve Sales Performance, kilang roti Radenia En Norabidin terus menjadi pilihan penaja sebuah acara Larian Merdeka sempena hari kemerdekaan Malaysia pada tahun 2017 yang melibatkan kerjasama Radenia dengan syarikat lain. Perniagaan kilang roti Radenia yang beroperasi 24 jam membabitkan pelbagai risiko seperti kecurian dan rompakan berikutan penerimaan jumlah wang tunai yang sangat banyak pada setiap hari. En Norabidin mengambil langkah berjaga-jaga demi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku. Beliau cekal dan tegas untuk mengambil tindakan atas salah laku yang dilakukan oleh pekerjanya. Akan tetapi semua ini dilakukan berdasarkan bukti. Justeru kilang roti Radenia kendalian beliau dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) di setiap sudut yang disambungkan terus ke telefon bimbitnya supaya beliau dapat memantau keadaan setiap masa. Beliau akan meluangkan masa sekurang-kurangnya dua jam pada waktu pagi dan malam untuk melihat CCTV. Beliau akan hadir ke kilang rotinya setiap hari kecuali Sabtu dan Ahad.

Berkat usaha yang bersungguh-sungguh En Norabidin telah memperolehi untung kasar sebanyak RM420 000 dan jualan bersih sebanyak RM640 000 pada Januari 2018.

Baca dengan teliti kajian kes di atas ini dan jawab soalan yang diberikan.

- (a) (i) Terangkan dua ciri keperibadian usahawan En Norabidin. (4 markah)
- (ii) Nyatakan tiga kepentingan latihan kepada usahawan. (3 markah)
- (b) Nyatakan dua jenis sumber yang diperlukan oleh kilang roti Radenia untuk mengoperasikan perniagaannya. (4 markah)

- (c) Kirakan peratus margin untung kasar kilang roti Radenia untuk bulan Januari 2018. (4 markah)
- (d) Terangkan tujuan En Norabidin membuat pengiklanan dalam perniagaannya. (5 markah)

-----KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT-----